

**Subramaniam Tidak Tahu Tentang Komunikasi Antara Presiden MIC Dan ROS
Bernama
Jan 6, 2015**

KUALA LUMPUR, 6 Jan (Bernama) -- Timbalan Presiden MIC Datuk Seri Dr S. Subramaniam tidak tahu tentang perkembangan terkini dalam parti melibatkan komunikasi antara presiden parti dan Pendaftar Pertubuhan (ROS).

Beliau berkata anggota parti tidak tahu tentang perkara itu sehingga 4 Jan apabila presiden parti Datuk Seri G Palanivel mendedahkan mengenai siri komunikasi antara beliau dan ROS.

Dr Subramaniam juga berkata beliau terkejut dengan pendedahan oleh Naib Presiden Datuk M Saravanan bahawa Palanivel telah menemui Ketua Pengarah ROS (Mohammad Razin Abdullah) bersama-sama pengerusi MIC Bahagian Petaling Jaya Selatan V Subramaniam dan telah menyerahkan surat bagi pihak MIC pada 24 Dis.

"Saya tidak mempunyai petunjuk mengenai kandungan surat itu. Saya juga tidak tahu tentang hakikat bahawa ROS telah menjawab surat 31 (Dis) terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam surat 24 Dis.

"Saya juga tidak tahu bahawa MIC telah menjawab surat itu pada 2 (Jan) meminta lanjutan masa," kata beliau dalam kenyataan di sini, Selasa.

Dr Subramaniam berkata sejak mesyuarat pada 18 Dis bagi membincangkan kandungan surat ROS untuk meminta MIC mengadakan pemilihan semula untuk jawatan naib presiden dan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), beliau telah menggesa Palanivel untuk mempercepatkan penubuhan jawatankuasa khas untuk menyelesaikan isu itu.

Tetapi Palanivel terus melambat-lambatkan usaha bagi menangani isu itu, beliau mendakwa.

"Saya telah dihujani pelbagai soalan oleh anggota parti sejak semalam selepas mesyuarat dengan ROS dibangkitkan.

"Terus terang, saya tidak mempunyai jawapan untuk soalan ini dan soalan lain yang ditujukan kepada saya. Hanya presiden mempunyai jawapan," katanya.

Beliau berkata antara soalan yang ditanya oleh anggota parti atas sifat apakah V. Subramaniam mengikut presiden ke mesyuarat itu dan mengapa anggota lain jawatankuasa tidak turut serta dalam kumpulan yang menemui ROS.

Semalam, Saravanan menggesa Palanivel supaya tampil untuk menyelesaikan kemelut parti.

Sementara itu, dalam kenyataan bersama, pengerusi MIC Bahagian Klang Datuk S Vigneswaran, bekas bendahari agung Datuk Jaspal Singh dan bekas ketua Pemuda MIC Datuk T Mohan menggesa Palanivel supaya menerima hasil siasatan ROS bahawa berlaku salah laku dalam pemilihan parti pada 2013.

Mereka berkata presiden harus menggesa supaya pemilihan semula diadakan bagi jawatan-jawatan terbabit.

"ROS ialah sebuah badan berkanun bebas yang mengawal selia semua pertubuhan di Malaysia. Ia adalah sebuah badan yang memantau salah laku oleh persatuan.

"Palanivel sepatutnya menubuhkan panel untuk menyiasat dakwaan mengenai salah laku semasa pemilihan parti tetapi beliau memilih untuk menyalahkan kami sebagai minoriti yang tidak berpuas hati dan menimbulkan masalah dengan ROS. Adakah Palanivel memberi mesej bahawa ROS, sebuah badan berkanun yang ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia, adalah tidak berwibawa?," kata Mohan.

Pada 5 Dis, ROS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi tiga jawatan naib presiden dan 23 jawatan anggota CWC dalam tempoh 90 hari berikutan aduan mengenai penyalahgunaan kuasa dan perbuatan salah laku yang melanggar perlembagaan parti dan Akta Pertubuhan.

ROS juga meminta parti itu mengadakan pemilihan semula di lapan bahagian iaitu Bayan Baru, Bukit Gelugor, Subang, Bandar Baru Kulim, Taiping, Tambun, Sepang dan Jasin dalam tempoh 60 hari.

ROS juga mengarahkan supaya pemilihan semula diadakan dalam tempoh 30 hari bagi jawatan timbalan pengerusi Batu Kawan, pengerusi bahagian Kota Raja, pengerusi bahagian Tanjung Malim dan pengerusi cawangan Taman Koperasi Polis.

Dua cawangan iaitu Merlimau Utara dan Rumah Pangsa Pekeliling Selatan, juga diarahkan untuk mengadakan pemilihan semula dalam tempoh 30 hari.

ROS juga menasihatkan MIC supaya tidak mengadakan perhimpunan agung tahunan sehingga isu itu diselesaikan.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1098411>